



**Teks ucapan Menteri Kanan Kerja Raya**

**Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof**

**Sempena Majlis Pelancaran Program Pembangunan Kontraktor (PPKP)**

**2021**

**Pada : 30 Mac 2021 (Selasa)**

**Masa : 3.00 petang**

**Lokasi: Bilik Tanjung, Tingkat 6, Kompleks Kerja Raya**

## **PENDAHULUAN**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama di Majlis Pelancaran Program Pembangunan Kontraktor Penyenggaraan Tahun 2021 Bersama Pelaksana Kontrak Penyenggaraan Kementerian Kerja Raya (KKR) pada hari ini. Alhamdulilah dengan adanya teknologi dan pembudayaan norma baharu, kita masih berupaya melaksanakan majlis ini.
  
2. Setinggi-tinggi penghargaan kepada wakil Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), wakil KKR, JKR Malaysia, JKR Negeri Sabah, JKR Sarawak, JKR Wilayah Persekutuan Labuan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan wakil - wakil syarikat kontrak senggara jalan.
  
3. Kepada Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Jawatankuasa majlis yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan majlis ini, tahniah saya ucapkan.

## **MEMPERKASA EKONOMI NEGARA – INISIATIF UNTUK PENGGIAT INDUSTRI**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

4. Sejak 2020 sehingga sekarang, menyaksikan kesungguhan dan keprihatinan Kerajaan dalam merangka pelbagai strategi ke arah membendung penularan COVID-19. Ini termasuk melaksanakan kawalan pergerakan dan juga menutup sempadan negara.
  
5. Pastinya secara tidak langsung ini memberi kesan kepada ekonomi negara dan juga pendapatan rakyat. Bagi memastikan kesejahteraan rakyat, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan antaranya, Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS Tambahan, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Kerangka Inisiatif Tambahan Khas (KITA PRIHATIN) dan Paket Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI). Secara keseluruhan pakej ini berjumlah RM320 billion. Terkini, Kerajaan telah mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi atau PEMERKASA yang bernilai RM20 billion, dengan suntikan fiskal baharu oleh Kerajaan berjumlah RM11 billion.

6. Di bawah inisiatif ke-4 program PEMERKASA ini fokus diberikan kepada kontraktor G1 hingga G4 bagi projek-projek penyenggaraan seperti pembaikan infrastruktur dan fasiliti awam.

## **PROGRAM PEMBANGUNAN KONTRAKTOR PENYENGGARAAN (PPKP)**

Hadirin yang saya hormati,

7. Untuk makluman bagi tahun 2021 KKR telah menerima peruntukan penyenggaraan sebanyak RM1.3 bilion. Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan di bawah program khusus seliaan KKR yang terdiri daripada senggaraan Jalan Persekutuan, penyenggaraan lampu jalan, pembaikan jambatan, kerja berkala pavemen di Jalan Persekutuan, bangunan gunasama persekutuan, kuarters milikan KKR dan cerun di Jalan Persekutuan.

8. KKR juga telah mendapat peruntukan **belanja tambahan** sebanyak **RM200 juta** untuk penyenggaraan Jalan Persekutuan di bawah kerja penyenggaraan kecil. Peruntukan ini dikhaskan untuk **Program Pembangunan Kontraktor Penyenggaraan (PPKP) bagi penyenggaraan kecil di Jalan Persekutuan untuk kontraktor G1**

**hingga G4 pada tahun ini. Peruntukan PPKP ini dipecahkan kepada RM100 juta di Semenanjung dan RM100 juta di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.**

9. Pelaksanaan PPKP adalah berdasarkan parameter berikut:
  - i. Garis masa pelaksanaan dalam penyenggaraan Jalan Persekutuan pada tahun 2021;
  - ii. Kaedah pemilihan dan tapisan peserta program PPKP;
  - iii. Cadangan dan kaedah agihan kerja-kerja kecil penyenggaraan jalan kepada peserta PPKP;
  - iv. Kaedah penilaian dan pemantauan prestasi peserta program PPKP.
10. Saya melihat program ini akan menjadi intervensi strategik antara Kerajaan dan syarikat konsesi penyenggaraan bagi memberi ruang dan peluang kepada kontraktor kecil bergiat aktif dalam penyenggaraan Jalan Persekutuan. Saya berharap menerusi program ini akan dapat membantu kontraktor – kontraktor kecil menjana pendapatan dalam situasi ekonomi negara yang mencabar.

## **KRITERIA PEMILIHAN**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Untuk makluman terdapat lebih daripada 500 kontraktor G1 hingga G4 yang menepati syarat dan kriteria di seluruh Malaysia telah dipilih untuk menyertai program ini oleh Jawatankuasa Bebas yang dilantik.
12. Jawatankuasa Bebas ini dianggotai oleh JKR, wakil Kerajaan dan wakil konsesi untuk menilai kontraktor kecil di seluruh Malaysia termasuk di peringkat daerah berdasarkan kepada kategori pendaftaran CIDB, keupayaan, kerja sedia ada, lokaliti dan skor bintang oleh CIDB. Kesemua kontraktor ini akan diberi permarkahan berdasarkan kepada kriteria dan syarat yang telah ditetapkan.
13. Jawatankuasa pelantikan seterusnya akan dilaksanakan oleh syarikat konsesi mengikut zon dan daerah yang ditetapkan termasuk mengeluarkan Arahan Kerja (AK) berdasarkan skop kontrak yang telah diluluskan. Syarikat konsesi dan juga JKR bertanggungjawab memantau pelaksanaan kerja di tapak bagi memastikan kerja tersebut dilaksanakan secara teratur dan menepati speksifikasi yang ditentukan.

## **AGIHAN KERJA**

Tuan/Puan sekalian,

14. Agihan kerja ini adalah berdasarkan kepada dua (2) jenis kerja di bawah konsesi penyenggaraan iaitu:

- i. Kerja berkala pavemen sebanyak 70% yang terdiri daripada kerja *premix overlaying, premix mill & pave dan re-construction works.*
- ii. Kerja berkala bukan pavemen pula, sebanyak 30% diperuntukkan untuk kerja memasang perabot jalan, membaiki longkang dan kerja – kerja lain yang berkaitan.

15. Menerusi empat (4) konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan di Semenanjung, sebanyak 336 kontraktor akan dilantik mengikut daerah dan pecahan gred iaitu:

- i. **G1 - 215 kontraktor**
- ii. **G2 - 31 kontraktor**
- iii. **G3 - 70 kontraktor**
- iv. **G4 - 20 kontraktor.**

16. Bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pula sebanyak 227 kontraktor akan dilantik di bawah dua (2) konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan. Kontraktor ini adalah mengikut pecahan gred iaitu;

- i. **G1 - 122 kontraktor**
- ii. **G2 - 29 kontraktor**
- iii. **G3 - 50 kontraktor**
- iv. **G4 - 26 kontraktor**

17. Agihan kerja ini telah diambil kira secara optimum dan adil agar lebih ramai kontraktor gred G1 hingga G4 dapat diberikan kerja mengikut kelayakkan yang ditetapkan.

## **PENILAIAN PRESTASI**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

18. Penilaian prestasi kontraktor akan dikelaskan kepada **Sangat Baik, Baik, Serderhana dan Lemah**. Pengelasan ini merangkumi beberapa kriteria iaitu:

- i. mematuhi jadual pelaksanaan,
- ii. mematuhi skop kerja,

- iii. pengurusan sumber,
- iv. keupayaan teknikal,
- v. kualiti kerja,
- vi. kerjasama,
- vii. mematuhi peruntukan yang diluluskan dan
- viii. pengawasan penyeliaan oleh kontraktor.

19. Kaedah Penilaian dinilai berdasarkan dua (2) konsep iaitu:

- i. latihan (20%)
- ii. Pengurusan Tapak Bina (60%) dan Prestasi Kerja (20%)

20. KKR mengharapkan agar kontraktor ini dapat berfungsi dan berdaya maju dengan bimbingan oleh syarikat konsesi dan JKR apabila program ini tamat.

## **ASPIRASI MENTERI KANAN KERJA RAYA**

Hadirin Sekalian,

21. Hasrat saya sebagai Menteri Kanan Kerja Raya adalah ingin memastikan kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan dengan berkualiti sepanjang masa dan bila – bila masa. Saya ingin menyeru kepada anda semua agar sentiasa produktif dan responsif terhadap kerja penyenggaraan di Jalan Persekutuan.

22. Pengurusan aset dan fasiliti yang sinonim dengan perkhidmatan penyenggaraan telah diangkat menjadi salah satu Teras di bawah Dasar Pembinaan Negara 2030. Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan penyenggaraan bukan sahaja penting di KKR tetapi akan menjadi agenda nasional untuk 10 tahun kehadapan.

## **PENUTUP**

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyeru kepada Tuan/Puan agar dapat bersama – sama berganding bahu dalam menjayakan program PPKP ini.

24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan Program Pembangunan Kontraktor Penyenggaraan (PPKP) 2021.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh